

## **SINOPSIS KURSUS**

### **SARJANA MUDA PERAKAUNAN DENGAN KEPUJIAN**

| <b>BPKP KOD</b> | <b>PROGRAM PENGKHUSUSAN</b> |
|-----------------|-----------------------------|
| <b>HE02</b>     | <b>Perakaunan</b>           |

### **SARJANA MUDA PERNIAGAAN DENGAN KEPUJIAN**

| <b>BPKP KOD</b> | <b>PROGRAM PENGKHUSUSAN</b>              |
|-----------------|--|
| <b>HE04</b>     | <b>Keusahawanan</b>                      |
| <b>HE06</b>     | <b>Pengurusan Kewangan dan Perbankan</b> |
| <b>HE08</b>     | <b>Pengurusan Perhotelan</b>             |
| <b>HE09</b>     | <b>Perniagaan Antarabangsa</b>           |
| <b>HE10</b>     | <b>Pemasaran</b>                         |
| <b>HP08</b>     | <b>Pengurusan Pelancongan</b>            |

### **SARJANA MUDA EKONOMI DENGAN KEPUJIAN**

| <b>BPKP KOD</b> | <b>PROGRAM PENGKHUSUSAN</b>                |
|-----------------|--|
| <b>HE05</b>     | <b>Ekonomi Perancangan dan Pembangunan</b> |
| <b>HE07</b>     | <b>Ekonomi Kewangan</b>                    |
| <b>HE11</b>     | <b>Ekonomi Sumber Manusia</b>              |

# SINOPSIS KURSUS

## TERAS FAKULTI

### BT10203 / BZ10303 MIKROEKONOMI

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan teori dan konsep dalam mikroekonomi serta kegunaannya dalam dunia nyata. Ia mengandungi empat bahagian utama iaitu,

1. Pengenalan - memperkenalkan ekonomi dan mikroekonomi, skopnya dan pasaran;
2. Keputusan pengguna - pilihan pengguna, permintaan individu dan pasaran dan pengguna sebagai pembekal;  
Keputusan pengeluar - pengeluaran dan kos pengeluaran; dan
3. Kelakuan pasaran - pasaran persaingan sempurna, monopoli, persaingan bermonopoli dan oligopoli.

#### Rujukan

Case, K. E. & Fair, R.C., 2014. *Principles of Microeconomics 11th ed.* England: Pearson Education Limited. Mankiw, N.Gregory et. al., 2011. *Principles of Microeconomics Malaysia Edition.* Cengage Learning Asia Pte Ltd. McConnell, C.R., Brue, S.L & Flynn, S.M., 2009. *Microeconomics 18th ed.* Kuala Lumpur: McGraw-Hill Irwin. Case, K. E. & Fair, R.C., 2007. *Principles of Microeconomics 8th ed.* United States: Prentice-Hall.  
Frank, Robert H. & Bernake, Ben S., 2007. *Principles of Microeconomics 3rd ed.* Boston: McGraw-Hill Irwin.

### BT10403 STATISTIK PERNIAGAAN DAN EKONOMI

Kursus ini memberikan kepada pelajar pengenalan kepada konsep untuk bidang statistik dan aplikasinya, terutamanya dalam bidang perakaunan, perniagaan, dan ekonomi. Analisis Statistik membangunkan dan menggunakan konsep asas dan kaedah kesimpulan statistik dalam organisasi serta pembentangan data perniagaan. Ia dapat membangunkan kemahiran asas pelajar untuk digunakan dalam bidang kebarangkalian asas, ukuran kecenderungan dan variasi pusat, ujian kepentingan statistik, persampelan, regresi linear / berganda dan korelasi yang mudah, dan ANOVA. Kursus ini menekankan peranan statistik dalam mentafsir data perniagaan dan ekonomi serta menggunakan data yang ditafsirkan dalam proses membuat keputusan.

#### Rujukan

Berenson, M. L., Levine, D. M. & Szabat, K. A. (2015). *Basic Business Statistics Concepts and Applications.* 13th Edition. Essex: Pearson Education Limited.  
Lind, D. A., Marchal, W. G. & Wathen, S. A. (2013). *Basic Statistics for Business and Economics.* 8th Edition. New York: McGraw-Hill Irwin.  
Anderson, D. R., Sweeney, D. J. & Williams, T. A. (2011). *Statistics for Business and Economics.* 11th Edition. China: South Western, Cengage Learning.  
Anderson, D. R., Sweeney, D. J., Williams, T. A., Camm, J. D. & Cochran, J. J. (2014). *Statistics for Business and Economics.* 12th Edition. Singapore: South Western Cengage Learning.  
Bradley, T. (2007). *Essential Statistics for Economics, Business and Management.* West Sussex: John Wiley & Sons Ltd.  
Jaggia, S. & Kelly, A. (2013). *Business Statistics Communicating with Numbers.* New York: McGraw-Hill Irwin.  
Lind, D. A, Marchal, W. G., & Wathen, S. A. (2010). *Statistical Techniques in Business & Economics.* 15th Edition. New York: McGraw-Hill Irwin.

## BT10903 MATEMATIK PERNIAGAAN

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan yang seimbang kepada pelajar dari segi pemahaman konseptual matematik, pembangunan kepakaran dan pengaplikasian matematik dalam perniagaan. Sejalan dengan kepentingan kepakaran matematik perniagaan akibat dari arus globalisasi, kursus ini akan memberi fokus kepada praktikal, masalah matematik perniagaan dalam dunia-nyata, dan penyelesaian masalah dengan berdasarkan langkah-langkah yang sistematik. Antara aspek-aspek matematik yang diketengahkan termasuklah aplikasi asas fungsi, matematik linear dan kalkulus.

### Rujukan

Barnett, R.a., Ziegler M.R. & Byleen K.E. (2015) *College Mathematics For Business Economics, Life Sciences & Social Sciences*. 13th Edition. Pearson International Edition Houessler,  
E.F., Paul, R.S. & Wood, R.J. (2011) *Introductory Mathematical Analysis*. 13th Edition, Pearson Education International

## BT11703 MAKROEKONOMI

Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pelajar tentang konsep dan teori-teori dalam makroekonomi. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan ialah penggunaan dan pelaburan, permintaan dan penawaran agregat; perubahan makroekonomi output, pengangguran, inflasi dan kadar faedah; dasar makroekonomi dan penstabilan, penawaran wang dan kadar pertukaran asing.

### Rujukan

Mankiw, N. Gregory et. al., 2013 (Malaysia Edition). *Principles of Macroeconomics*. Cengage Learning Asia Pte Ltd: Selangor.  
Mankiw, N.Gregory, 2012 (6th Edition). *Principles of Macroeconomics*. Thomson South-Western.  
Baumo I,W.J., and Blinder,A.S., 2005 (9th edition). *Macroeconomics: Principles and Policy*. Thomson South-Western. Dorn busch, Fischer and Startz, 2001. *Macroeconomics*. MacGraw-Hill Education.  
Gordon,R.J., 2002 (9th edition). *Macroeconomics*. Addison-Wesley Publishing.

## BT11803 EKONOMI MATEMATIK

Pelajar ekonomi memerlukan beberapa alat bantu matematik yang penting. Ekonomi adalah satu disiplin teknikal yang boleh digambarkan secara kuantitatif pada tahap yang berbeza. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memberikan pengetahuan dan latihan matematik yang mencukupi selaras dengan keupayaan untuk berurusan dengan deskripsi matematik terhadap pelbagai konsep teori yang luas yang terkandung dalam ekonomi. Modul ini meningkatkan pengetahuan asas pelajar dan memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang peranan matematik dalam bidang ekonomi. Matlamat modul ini adalah untuk membekalkan pelajar dengan alat bantu matematik yang diperlukan dalam analisis ekonomi di peringkat sarjana muda. Penekanan akan diberikan dalam membangunkan keupayaan menterjemah masalah ekonomi yang bakal dihadapi oleh pelajar ke dalam model matematik, dan seterusnya menyelesaikan model ini. Tambahan pula, modul ini bertujuan menyediakan pelajar untuk pengajian lanjut, atau untuk kerjaya pengurusan dan profesional terutama dalam bidang yang memerlukan penggunaan kemahiran kuantitatif.

### Rujukan

Haeussler, E.F., Paul, R.S. & Wood, R.J. 2019. *Introductory Mathematical Analysis: For Business, Economics and Life and Social Sciences*, 14th Edition. Boston: Pearson Education Inc.

Barnett, R.A., Ziegler M.R. & Byleen K.E. 2015. *College Mathematics for Business, Economics, Life Sciences & Social Sciences*, 13th

Edition. Essex: Pearson Education Limited.

Hands, D.W. 2004. *Introductory Mathematical Economics*, 2nd Edition. New York: Oxford University Press, Inc. Jacques, I. 2006. *Mathematics for Economics and Business*, 5th Edition. New York: Financial Times-Prentice Hall. Renshaw, G. 2005. *Maths for Economics*. New York: Oxford University Press Inc.

Sydsaeter, K & Hammond, P. 2008. *Essential Mathematics for Economic Analysis*, 3rd Edition. Essex: Financial Times-Prentice

Teresa Bradley. 2008. *Essential Mathematics for Economics and Business*, 3rd Edition. West Sussex: John Wiley & Sons, Ltd.

## BT11903 KOMUNIKASI KORPORAT

Kursus ini direkabentuk agar pelajar menghargai kepentingan komunikasi secara keseluruhannya. Ia dibangunkan untuk membantu pelajar memperbaiki penulisan dan kemahiran lisan mereka sambil menyediakan latihan penting yang berkaitan. Kandungan kursus juga akan menyediakan pelajar dengan pemahaman yang komprehensif mengenai prinsip-prinsip komunikasi dan peri pentingnya kemahiran komunikasi dalam dunia korporat. Sehubungan itu, para pelajar adalah sangat digalakkan untuk berfikir tentang kerjaya mereka sendiri dan kemahiran komunikasi yang perlu mereka kuasai untuk berjaya.

### Rujukan

Guffey, M.E., Du-Babcock, B., & Loewy, D. (2016). *Essentials of Business Communication*. 3rd Ed. CENGAGE Learning Asia Pte Ltd.

Cardon, P.W. (2013). *Business Communication: Developing Leaders for a Networked World*. 1st Ed.

McGraw-Hill Hory Shankar Mukerjee, (2013). *Business Communication: Connecting at Work*, 1st Ed., Oxford University Press.

Meenakshi Raman & Prakash Singh (2012). *Business Communication*. 2nd Ed. Oxford University Press: New Delhi.

Rentz, K. & Lentz, P. (2014). *Lesikar's Business Communication: Connecting in a Digital World*.

McGraw- Hill/Irwin: NY. Argenti, P.A. (2007). *Corporate Communication*. 4th Ed. McGraw Hill: Singapore

## BT12003 PEMASARAN

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap konsep-konsep asas dalam bidang pemasaran sebagai satu fungsi yang penting dalam perniagaan kepada para pelajar. Kursus ini memperkenalkan konsep pemasaran dan elemen campuran pemasaran dalam satu rangkakerja yang praktikal untuk memenuhi kefahaman mengenai kepentingan strategi pemasaran di dalam memenuhi keperluan pelanggan supaya sesebuah organisasi perniagaan berupaya mengekalkan kedudukannya dalam suatu persekitaran persaingan yang kompetitif. Kursus ini merangkumi pengenalan kepada pemasaran, kelakuan pengguna dan pembeli perniagaan dan elemen campuran pemasaran yang lain dengan penekanan kepada peruncitan, pemborongan dan promosi.

### Rujukan

Perreault, W.D.Jr., Cannon, J.P., & McCarthy, E.J. (2014) *Basic Marketing: A Marketing Strategy Planning Approach*, 19th Edition, McGraw Hill: New York

Kotler, P. & Armstrong, G. (2012) *Principles of Marketing*, 14th Edition, Pearson Global Edition.

Kerin, R.A., Lau, G.T., Hartley, S.W. & Rudelius, W. (2013) *Marketing in Asia*, 2nd Edition, McGraw Hill: Singapore.

Perreault, W.D.Jr., Cannon, J.P., & McCarthy, E.J. (2012) *Essentials of Marketing: A Marketing Strategy Planning Approach*, 13th Edition, McGraw Hill: New York.

## BT12103 PENGURUSAN KEWANGAN

Kursus ini akan memberi pemahaman asas kepada para pelajar di dalam bidang kewangan. Pelajar akan didedahkan mengenai kepentingan pengurusan kewangan, pengurusan modal kerja, serta membincangkan kaedah untuk menilai risiko dan pulangan aset. Kursus ini juga memperkenalkan konsep nilai masa untuk wang yang mana ianya adalah konsep asas di dalam teori kewangan dan membuat keputusan serta teknik untuk menilai pelbagai instrumen kewangan.

### Rujukan

Titman, Keown and Martin, 2018 *Financial Management Principles and Applications* (13th Edition)

Block S.B. & Hirt, Danielsen G.A. (2017). *Foundations of Financial Management*. NY: McGraw Hill Education

Ross, S.A. et al. (2007). *Financial Management Fundamentals in Malaysia*. Malaysia: McGraw- Hill. 2nd Ed.

Brigham, E.F. & Houston, J.F. (2007). *Essentials of Financial Management*. FL: Thomson

## BT12203 PERAKAUNAN PERNIAGAAN

Penekanan utama kursus ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada konsep, teknik dan bahan perakaunan kewangan dan pengurusan. Ia memperkenalkan prinsip perakaunan dan kaedah untuk merekodkan urus niaga menggunakan sistem catatan beregu, juga memperkenalkan kaedah penyediaan penyata kewangan dan komponen penyata kewangan. Terdapat beberapa topik yang dibincangkan di dalam kursus ini yang memberi tumpuan kepada peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan dalam sesebuah organisasi. Pelajar akan didedahkan tentang bagaimana untuk menyediakan, mentafsir dan menilai maklumat perakaunan dalam proses membuat keputusan. Oleh itu, pembangunan kemahiran pelajar untuk membuat keputusan pengurusan ditekankan dengan pembelajaran yang meliputi topik seperti tingkah laku kos, analisis kos-volum-untung, perancangan keuntungan dan belanjawan, kos standard dan analisis varian, dan kos relevan.

### Rujukan

Mohamad R., Junaidah Hanim, Noor Asma, Abu Bakar, R., Yusof, R., Ishak, R., Warren, C. S., Reeve, J. M. & Duchac, J. E. (2019). *Accounting: A Malaysian Perspective* 5th Edition. Cengage Learning.

Wan Madznan Wan Ibrahim, Mohd Rizal Palil & Mara Ridhuan Che Abdul Rahman (2017). *Fundamentals of Accounting: For Non Accounting Students*. Oxford Fajar.

McGraw-Hill. Alan Sangster (2015). *Frank Wood's Business Accounting 1* 13th Edition. Pearson Education Limited.

Brewer, P. C., Garrison, R. H. & Noreen E. W. (2015). *Introduction to Managerial Accounting* 7th Edition.

McGraw-Hill. Braun, K.W. & Tietz, W. M. (2014). *Managerial Accounting* 4th Edition. Pearson.

Wan Ibrahim, W. A. & Palil, M. R. (2014). *Fundamentals of Business Accounting* 2nd Edition. Oxford Fajar. Andrew Leong Fook Chee & Wong Sei Van (2014). *Business accounting* 4th Edition. Prentice Hall.

Abd Rauf, F., Abu, A. & Mahmud, R. (2014). *Financial Accounting for Non-Accounting Students* 4th Edition.

## BT12303 PENGURUSAN

Kursus ini adalah merupakan asas kepada pengenalan dalam pengurusan. Beberapa aspek penting akan ditekankan di dalam kursus ini iaitu merangkumi empat fungsi utama pengurusan yang berkaitan dengan perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan. Antara aspek penting yang akan dibincangkan adalah seperti: perancangan dan pembuatan keputusan,

pembentukan matlamat dan objektif, pengurusan strategik, penstrukturan organisasi, pengurusan perubahan dan inovasi, pengurusan kumpulan dan pasukan; dan pengurusan operasi dan perkhidmatan.

### **Rujukan**

Lewis, P., Goodman, S., Michlitsch, J., & Fandt, P. 2016. *Management: Challenges for Tomorrow's Leaders*. SJ Learning: Kuala Lumpur.

Borges, W.G., Lee, S. L., Nagiah, R., Shishi, K. P., Mohd Nazari., Koon, V. Y., Shahrol, A., Ang, E. S., Raja Nerina., Sreenivasan, J. and Risidaxshinni, K. 2015. *Principles of Management*. SJ Learning: Kuala Lumpur.

Daft, R.L. (2014). *New Era of Management*. 11th Edition. South-Western, Cengage Learning.

Robbins, P.S. Coulter, M. 2009, '*Management*', Prentice Hall, 13th edition.

Bateman & Snell, 2015, *Management: Leading and Collaborating in a Competitive World*, 11th Edition.

Mc-Graw Hill. Jones, G. & George J., 2014. *Contemporary Management*, 8th Edition, Global Edition.

## **BT20403 UNDANG-UNDANG KOMERSIL**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan kepada para pelajar pengetahuan tentang undang-undang komersil yang dipraktikkan di Malaysia. Aspek penting yang akan disentuh termasuklah pengenalan kepada sistem perundangan Malaysia, jenis-jenis entiti perniagaan, undang-undang kontrak, terutama mengenai elemen kontrak yang sah serta mengikat, syarat serta waranti, pelepasan kontrak, remedi, doktrin priviti serta klausa pengecualian. Kursus ini juga akan membincangkan undang-undang agensi, undang-undang mengenai kontrak jualan barangan, undang-undang perlindungan pengguna, pengenalan kepada undang-undang pekerjaan serta pengenalan kepada undang-undang harta intelek. Kes-kes yang berkaitan akan dibincangkan bagi membolehkan pelajar-pelajar memahami kursus ini dari segi teori dan praktikal. Pengetahuan dalam undang-undang akan dapat membantu para pelajar dalam hubungan seharian dan merupakan satu aset dalam mengharungi dunia kerjaya.

### **Rujukan**

Lee Mei Pheng & Detta, Ivan Jeron. (2018). *Business Law* (3rd ed.). Kuala Lumpur: Oxford University Press Krishnan, L., Rajoo, P.

And Vergis, A. C. (2009) *Principles of Business and Corporate Law*, Malaysia, Singapore: CCH Asia

Lee Mei Pheng. (2005). *General Principles of Malaysian Law* (5th ed.). Kuala Lumpur: Fajar Bakti

Trakic, A et al. (2014). *Law for Business*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell

Vohrah, B. & Wu, M.A. (2000). *The Commercial Law of Malaysia* (Updated 2nd ed.). Kuala Lumpur: Longman

Wan Arfah Hamzah & Ramy Bulan. (2001). *An Introduction to the Malaysian Legal System*, Fajar Bakti

### **Statut**

Akta Kontrak 1950

Akta Perkongsian 1961

Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

Akta Syarikat 2016

Akta Jualan Barangan 1957

Akta Perlindungan Pengguna 1999

## BT21003 EKONOMI ANTARABANGSA

Kursus ini menyediakan bahan pengantar untuk sub-bidang Ekonomi iaitu ekonomi antarabangsa. Ia memberikan gambaran mengenai prinsip dan teori ekonomi antarabangsa. Di samping itu, ia memperkenalkan prinsip-prinsip utama pelbagai teori dalam perdagangan antarabangsa dan mengkaji pelbagai isu dasar berkaitan perdagangan antarabangsa. Topik dalam kewangan antarabangsa seperti kadar pertukaran, globalisasi kewangan, krisis kewangan juga dirangkumkan dalam kursus ini.

### Rujukan

Paul Krugman, Obstfeld (2019). *International Economics*, 11th Edition, Pearson  
Dominic Salvatore (2019). *International Economics*, Wiley, 13th Edition

## BT21303 PERLAKUAN ORGANISASI

Memahami kelakuan manusia adalah kritikal dalam bidang perniagaan hari ini kerana organisasi perniagaan berhubung terus dengan staf dan juga pelanggan / pengguna akhir. Oleh itu subjek ini akan membincangkan kelakuan manusia pada tiga peringkat analisis – individu, kumpulan dan organisasi, dan bagaimana kelakuan tersebut memberikan kesan kepada keberkesanan dan kecekapan organisasi. Subjek ini akan memberikan kefahaman komprehensif terhadap semua elemen penting dalam kelakuan manusia dalam organisasi. Topik yang akan diliputi termasuklah personaliti, sikap, persepsi, motivasi, kumpulan/pasukan, komunikasi, kepemimpinan, struktur organisasi, budaya organisasi, pengurusan sumber manusia, pengurusan perubahan dan tekanan.

### Rujukan

Robbins, S. P. & Judge, T. A. 2019. *Organizational Behavior*. 18th. Edition. New Jersey: Pearson International Edition. (Utama)  
Colquitt, J. A, Wesson, M. J. & Lepine, J. A. 2014. *Organizational behavior: Improving performance and commitment in the workplace*. 4th. Edition. McGraw Hill Education.  
DuBrin, A. J. 2007. *Fundamentals of organizational behavior*. 4th. Edition. Mason, OH: Thomson Higher Education.  
Kinicki, A. & Kreitner, R. 2012. *Organizational behavior*. 10th. Edition. Boston: McGraw Hill – Irwin.  
Nelson, D. L. & Quick, J. C. 2012. *Organizational behavior. Science, the real world and you*. 8th. Edition Cengage South-Western.  
Newstrom, J. W. 2014. *Organizational Behavior: Human behavior at work*. 14th. Edition. McGraw Hill Education.

## BT21503 ETIKA PERNIAGAAN

Dalam Etika Perniagaan, pelajar akan memberi tumpuan kepada tindakan yang berkaitan dengan perniagaan yang bercanggah jelas dengan moral dan membuat taksiran dari berbagai perspektif. Salah satu tema yang di bincangkan di dalam kelas ini adalah bahawa perniagaan dan etika adalah serasi dan juga pelengkap satu sama lain. Kursus ini akan mengkaji tindakan perniagaan dari pelbagai perspektif dan menggalakkan perbincangan falsafah di kalangan pelajar dan antara pelajar dan pensyarah dalam penerokaan isu yang terlibat dengan motivasi dan pendekatan dalam membuat keputusan perniagaan. Selepas melengkapkan keperluan kursus ini, pelajar akan mempunyai asas etika beliau untuk menentukan apa yang baik dan benar di dalam aspek perniagaan.

### **Rujukan Utama**

DeGeorge, R. T. (2014), *Business Ethics*, 7th Edition, Pearson Education Limited, Essex.

### **Rujukan Tambahan**

Boatright, J. R., (2012), *Ethics and the Conduct of Business*, 7th Ed., Pearson, New Jersey.

Velasquez, M. G. (2012), *Concepts and Cases*, 7th Edition, Pearson, New Jersey.

Rossouw, D. and Van Vuuren, L. and adapted by Abdul Ghani, A., and Adam, M. Z. A (2011). *Business Ethics*. Oxford Fajar, Kuala Lumpur.

Thiroux, J. P. and Krasemann, K. W. (2011), *Ethics – Theory and Practice*,

## **BT21403 PENGURUSAN OPERASI**

Pengurusan operasi adalah bertitik tolak dari perubahan asas ekonomi negara dari sektor pembuatan kepada penyediaan perkhidmatan. Kursus ini melihat kepada sistem pengurusan sesebuah organisasi yang mempunyai kesan terhadap produktiviti dan kualiti produk serta perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesebuah organisasi. Di antara isu-isu penting yang menjadi perbincangan di dalam kursus ini melibatkan perkara-perkara seperti: pengurusan bahan dan inventori; pengurusan kualiti; lokasi kilang; logistik dan pengedaran; proses pembuatan; pengurusan rangkaian bekalan; dan pengukuran kerja dan masa.

### **Rujukan**

Jacobs, F.R., & Chase, R.B., 2018, *Operations and Supply Chain Management*, 15<sup>th</sup> Edition (Global Edition), Boston: McGraw-Hill.

Heizer, J., Render, B., (2017), *Operation Management*, 12<sup>th</sup> Edition, New Jersey:

Prentice Hall Heizer, J. & Render, B. (2016) *Operations Management: Sustainability & Supply Chain Management*. 13<sup>th</sup> Edition, Pearson.

Stevenson, W.J & Sum Chee Chuong, (2014). *Operations Management : An Asian Perspective*. Global Edition. McGraw Hill.

Stevenson, W.J. (2015). *Operations Management*. McGraw Hill. 7<sup>th</sup> Edition. McGraw-Hill.

Krajewski, L.J., Ritzman, L.P., & Malhotra, M.K. (2012). *Operations Management : Processes and Supply Chains*. 10<sup>th</sup> Edition. Pearson.

## **BT21603 KAEDAH PENYELIDIKAN**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada kaedah penyelidikan yang boleh digunakan dalam kebanyakan aspek penyelidikan perniagaan dan ekonomi serta kajian dalam fenomena sosial yang lain. Bidang-bidang penting yang akan dipelajari dalam kursus ini merangkumi pengenalan kepada metod kajian saintifik, proses penyelidikan, rekabentuk kajian, pengukuran, pensampelan, pengutipan data, analisis dan interpretasi data serta penulisan laporan.

### **Rujukan**

Bryman, A and Bell, E. (2015). *Business Research Methods*, International 4<sup>th</sup> Edition. London: Oxford University Press.

Saunders, M., Lewis, P. and Thornhill, A. (2012). *Research Methods for Business Students*, 6<sup>th</sup> Edition. London: Pearson Education Limited.



## BT22003 KEUSAHAWANAN

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep asas keusahawanan dan prinsip utama dalam operasi perniagaan, melibatkan aktiviti membangun idea perniagaan melalui model perniagaan yang efektif, memahami aspek etika dan perundangan dalam memulakan dan mengurus sebuah perniagaan, merancang dan mengurus sumber (kewangan dan aset fizikal), menjalankan komunikasi pemasaran yang efektif, seterusnya bersedia untuk pertumbuhan perniagaan. Kursus ini menfokus kepada pembelajaran pengalaman keusahawanan di mana pelajar dikehendaki menjalankan perniagaan menggunakan teknik komunikasi pemasaran digital seperti teaser, soft-sell, hard-sell dan posting jualan digital menggunakan Facebook, Instagram dan WhatsApp.

### Rujukan

- Barringer, B.R & Ireland, R.D (2018). *Entrepreneurship: Successfully Launching New Venture* (6th Edition), Pearson.
- Hisrich, R., Peters, M. and Sheperd, D. (2019). *Entrepreneurship* (11th Edition), McGraw-Hill.
- Alen, J. P. (2019). *Digital Entrepreneurship* (1st Edition), Routledge.
- McDonald, M. J. (2019). *Social Medi Marketing for Beginners*.
- Wang Nong Muzaffar (2017). *Kuasai Perniagaan Internet (Siri 2)*, Published by Group Buku Karangraf, ISBN: 9789678607773
- Sodri Arifin, Ismail Ab. Wahab & Syahira Hamidon (2017) *Introduction to Entrepreneurship*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Wan Nong Muzaffar (2015). *Kuasai Perniagaan Internet (Siri 1)*, Published by Group Buku Karangraf, ISBN: 9789678606493
- Bland, D. J . and Osterwalder, A. (2019). *Testing Business Ideas: A Field Guide for Rapid Experimentation*, Wiley.
- Osterwalder, A & Pigneur, Y (2010) *Business Model Generation: A Handbook for Visionaries, Game Changers and Challengers*, Wiley.

## BT22103 SISTEM MAKLUMAT PERNIAGAAN

Kursus ini meliputi sistem maklumat pengurusan untuk penerapan dalam bidang perniagaan. Ini termasuklah kegunaan komputer dalam perniagaan masa kini dan masa depan. Kursus ini khusus untuk pelajar-pelajar perniagaan yang kebanyakannya merupakan bakal pengurus dan usahawan yang menggu na dan mengurus sistem maklumat. Selain dari aspek teoritekal berkenaan sistem maklumat pengurusan pelajar juga akan didedahkan kepada pakej aplikasi terkini dal am bidang perniagaan termasuk pemprosesan perkataan, helaian kerja, pangkalan data dan grafik/persembahan melalui kerja-kerja makmal komputer.

### Rujukan

- Kenneth C. Laudon, K. C, and Laudon, J. P. (2018). *Management Information Systems: Managing the Digital Firm*, 16th Edition. Pearson.
- Rainer, R. K, Prince, B., Watson, H. J. (2015). *Management Information Systems*, 3rd Edition. Wiley.
- Belkhamza, Z. (2015). *Creating a Culture for Information Systems Success*. Business Expert Press

## BT22303 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Aset fikizal dan modal dalam organisasi dianggap sebagai barangan yang berharga. Tanpa mengira saiz dan jenis organisasi, pengurusan terhadap sumber manusia yang cekap dan berkesan adalah penting. Sehingga kini, organisasi semakin sedar akan asas kelebihan saing bukan sahaja terletak pada rekaan produk atau perkhidmatan, kecanggihan teknologi, strategi pemasaran terbaik, atau kebolehan dalam pengurusan kewangan, tetapi dengan sistem yang sesuai dalam menguruskan

modal insannya. Aspek menterjemahkan objektif syarikat ke dalam objektif modal insan yang spesifik tidak dapat dielakkan sebagaimana pengurus adalah dijangka untuk menasihati pengurusan atasan syarikat arahnya dan pembangunan modal insannya. Pengurusan sumber manusia adalah fungsi utama organisasi, keberkesanan penggunaan sumber melalui pengurusan orang, termasuk kepemimpinan, perancangan sumber, pengambilan dan pemilihan pekerja yang berbakat, melatih dan memberikan pampasan efektif, dan mengawal perestasi. Pengurusan sumber manusia merupakan pengurusan pekerja dan kerja untuk mencapai matlamat organisasi. Memahami manusia ialah tanggung organisasi, dengan memiliki kebolehan untuk mengurus dan membangunkan pekerja adalah penting terhadap kemampuan perniagaan. Kursus ini bermatlamat untuk melahirkan pengurus perniagaan yang serba boleh dengan pengetahuan teladan, pengalaman yang relevan, dan dapat melaksanakan pekerjaan dengan kontekstual. Kursus ini direka untuk membangunkan pengetahuan tentang asas-asas pengurusan sumber manusia, mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang dapat memainkan peranan penting dalam melaksanakan dasar dan amalan sumber manusia dalam organisasi. Memahami pengurusan sumber manusia adalah mustahak sama ada seseorang pelajar akan bekerja di agensi kerajaan, perniagaan, badan bukan kerajaan dan bukan berasaskan keuntungan, dan lain-lain jenis organisasi. Objektif utama kursus ini adalah untuk mempamerkan pengurusan sumber manusia adalah lebih daripada hanya sekadar pekerjaan dan penyimpanan rekod di mana ia merupakan aktiviti strategik organisasi yang semakin meningkat kerumitan dan kepentingan. Untuk menguasai kursus ini, pelajar perlu mengetahui unsur-unsur dan fungsi pengurusan sumber manusia (pengambilan, pemilihan, latihan dan pembangunan) dan membiasakan dengan konsep dan istilah utama dalam pengurusan sumber manusia. Hasil pembelajaran yang boleh diperolehi adalah untuk membolehkan pelajar untuk menggunakan prinsip dan teknik yang dipelajari dalam pembelajaran kursus dan juga melalui perbincangan isu utama dan penyelesaian masalah kes yang lazim. Kursus ini dibahagikan dalam beberapa bahagian: Bahagian 1: Pengenalan, Bahagian 2: Perjawatan, Bahagian 3: Latihan dan Pembangunan, Bahagian 4: Pampasan, Bahagian 5: Hubungan Pekerja, dan Bahagian 6: Isu Khas dalam pengurusan sumber manusia.

#### **Rujukan**

- Snell, A.S., Morris, S.S. & Bohlander, G. W. (2016) *Managing Human Resources*, 17th Edition, South-Western Cengage.
- Aminuddin, M. (2018). *Human Resource Management: Principles and Practices*, 4<sup>th</sup> ed. Oxford
- Dessler, G 2016, *Human Resource Management*, Global Edition, 15th Edition, Pearson.
- Dessler, G., 2015, *Fundamentals of Human Resource Management*, 4th Edition, Pearson.

### **BT22103 SISTEM MAKLUMAT PERNIAGAAN**

Kursus ini meliputi sistem maklumat pengurusan untuk penerapan dalam bidang perniagaan. Ini termasuklah kegunaan komputer dalam perniagaan masa kini dan masa depan. Kursus ini khusus untuk pelajar-pelajar perniagaan yang kebanyakannya merupakan bakal pengurus dan usahawan yang mengguna dan mengurus sistem maklumat. Selain dari aspek teoritekal berkenaan sistem maklumat pengurusan pelajar juga akan didedahkan kepada pakej aplikasi terkini dalam bidang perniagaan termasuk pemprosesan perkataan, helai kerja, pangkalan data dan infrastruktur teknologi.

#### **Rujukan**

- Kenneth C. Laudon, K. C, and Laudon, J. P. (2018). *Management Information Systems: Managing the Digital Firm*, 16th Edition. Pearson.
- Rainer, R. K, Prince, B., Watson, H. J. (2015). *Management Information Systems*, 3rd Edition. Wiley.
- Belkhamza, Z. (2015). *Creating a Culture for Information Systems Success*. Business Expert Press.

## BT22203 EKONOMETRIK

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada latarbelakang aplikasi statistik dan matematik dalam pengukuran ekonomi. Pengenalan sas regresi linear mudah dan berganda dan isu-isu berkait masalah dan penyelesaian dalam pembentukan model regresi meliputi multikolineariti, autokorelasi, heteroskedastisi, ketidaknormalan, batasan lineaer umum, model dinamik. Model autoregresi siri masa, penyelarasan musiman, taburan tertanggung, model persamaan serentak, pembolehubah instrumen dan kaedah kuasa dua terkecil duaperingkat akan dibincangkan.

### Rujukan

- Hill, R.C, Griffiths, W.E., and Lim, G.c. 2008. Principles of Econometrics. USA: John Wiley & sons (3rd Edition)
- Hill, R.c., Griffiths, E.E., and Lim, G.C 2008. Using Eviews for Principles of Econometrics. USA: John Wiley & Sons (3rd Edition)
- Gujarati, D.N. and Porter, D.c. 2009. Basic Econometrics. McGraw-Hill (5th Edition)
- Koop, G. 2008. Introduction to Econometrics. USA: John Wiley & Sons.
- Stock, J.H. and Watson, M.W 2007. Introduction to Econometrics. Pearson Addison-Wesley (2nd Edition)

## BT31103 PENGURUSAN STRATEGIK

Pengurusan Strategik adalah satu set keputusan pengurusan dan tindakan yang menentukan prestasi jangka panjang firma. Pelajar-pelajar belajar strategi penggubalan , pelaksanaan, teknik dan konsep penilaian yang baru. Pelajar menggunakan pengetahuan ini, bersama dengan pengetahuan yang diperolehi daripada kursus- kursus lain, untuk menentukan hala tuju masa depan organisasi. Pelajar Pengurusan Strategik menganalisis firma dalam industri yang berbeza, membuat keputusan strategik bagi objektif syarikat, dan membenarkan keputusan mereka melalui komunikasi lisan atau bertulis. Pelajar mencadangkan strategi kepada pertubuhan yang dikaji dan memperincikan bagaimana strategi-strategi itu boleh dilaksanakan.

### Rujukan

- Thompson, Jr. A.A & Strickland III, A.J. 1999. *Strategic Management: Concepts and Cases*, 11th, Edn. Singapore, Irwin/McGraw Hill.
- Miller, A. 1998. *Strategic Management*, 3rd. Edition. New York. McGraw Hill.
- Hill, C.W.L & Jones G.L. 1995. *Strategic Management: An Integrated Approach*. Boston. McGraw Hill.
- Houghton Mifflin Company. Pearce. J.A. & Robi nson, R.B. 1998. *Strategic Management: Strategy Formulation and Implementation*, 3rd. Edition. Singapore:
- Irwin and Toppa. Johnson G., & Scholes K. 2002. *Exploring Corporate Strategy* (6th Ed). Prentice Hall.
- David F.R. 2003. *Strategic Management: Concept & Cases* (9th Ed). Prentice Hall.
- Harrison J.S. 2003. *Strategic Management of Resources & Relationship: Concept & Cases*. Wiley

# PROGRAM PERAKAUNAN (HE02)

## BP12103 PRINSIP PERAKAUNAN

Kursus bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada asas simpankira dan prinsip perakaunan kewangan. Ia menerangkan persamaan perakaunan, mengenalpasti langkah untuk melengkapkan kitaran perakaunan dan membincangkan peranan rekod perakaunan di dalam sesuatu organisasi. Seterusnya ia menerangkan perbezaan di antara perakaunan tunai dan akrual sifat tujuan utama penyata kewangan, peranan maklumat perakaunan di dalam membuat keputusan ekonomi dan membincangkan kepentingan sistem perakaunan di dalam penyediaan maklumat yang relevan dan dapat dipercayai. Ianya juga mendedahkan pelajar kepada analisa penyata kewangan dan intepretasi nisbah kewangan.

### Rujukan

- Mohd Nizal Haniff et al. (2018). *Fundamentals of Financial Accounting*. 2nd Edition. Oxford.
- Tahajuddin, S. & Mohd Kassim, A. W. (2017). *Prinsip Perakaunan*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Sangster, A. & Wood, F. (2015). *Frank Wood's Business Accounting Vol. 1*. 13th edition. FT Prentice Hall.
- Sangster, A. & Wood, F. (2016). *Frank Wood's Business Accounting Vol. 2*. 13th edition. FT Prentice Hall.
- Phillips, F., Libby, R., & Libby, P. A. (2015). *Fundamentals of Financial Accounting*. 3rd edition. McGraw-Hill.
- Thomas, T. & Ward, A.M. (2015). *Introduction to Financial Accounting*. 8th edition. McGraw Hill.
- Weygandt, Kimmel & Keiso (2015). *Accounting Principles*. 12th edition. Wiley.
- Andrew Leong Fook Chee & Wong Sei Van (2014). *Business Accounting*. 4th edition. Pearson.
- Reimers, J.L. (2014). *Financial Accounting: A Business Process Approach*. 3rd edition. Pearson.

## BP12303 PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN I

Kursus ini merupakan kursus perakaunan kewangan pertengahan dan adalah lanjutan kepada kursus Prinsip Perakaunan. Fokus adalah ke atas perakaunan syarikat. Kursus meliputi kerangka kawalan dan konsep di bawah penyediaan dan persembahan penyata kewangan. Topik termasuk perakaunan untuk aset semasa, bukan semasa dan tidak ketara dan juga perosakan, liabiliti dan kontigensi, cukai tertunda dan pajakan.

### Rujukan

- Azlina Ahmad et al. (2019). *Financial Accounting and Reporting 1*. 2nd Edition. Oxford.
- Jane Lazar & Huang Ching Choo (2014), *Malaysian Financial Reporting Standards*. 4th edition. McGraw-Hill.
- Kieso, D.E., Weygandt, J.J., & Warfield, T.D. (2014). *Intermediate Accounting: IFRS Edition*. 2nd edition. Wiley.
- Spiceland, J.D., Sepe, J., Nelson, M., & Wayne Thomas, W. (2014). *Intermediate Accounting*. 8th edition. McGraw-Hill.
- Tan Liong Tong (2014). *Financial Accounting and Reporting in Malaysia, Volume 1*. 5th edition. CCH Asia.
- Ng Eng Juan (2012). *A Practical Guide to Financial Reporting Standards, Malaysia*. 4th edition. CCH Asia.

## BP17103 PENGURUSAN KEWANGAN

Kursus ini memberi tumpuan kepada prinsip dan teknik asas dalam membuat keputusan kewangan. Ia merangkumi kedua-dua konsep pengurusan kewangan serta aplikasi teknik kewangan sebagai alat untuk membuat keputusan. Topik yang dibincangkan termasuk analisis penyata kewangan, pengurusan modal kerja, hubungan risiko dan pulangan, penilaian sekuriti asas dan nilai masa wang.

## Rujukan

- Titman, S., Keown, A.J., & Martin, J.D. (2015). Financial Management (Principles and Applications). Edisi ke-12. Pearson.
- Brigham, E.F. & Houston, J.F. (2015). Essentials of Financial Management. Edisi ke-14. South-Western.
- Keown, A.J., Martin, J.D., & Petty, J.W. (2013). Foundations of Finance: The Logic and Practice of Financial Management. Edisi ke-8. Pearson.
- Block, B.S., Hirt, G.A. & Danielsen, B.R. (2013). Foundations of Financial Management. Edisi ke-15. McGraw-Hill. Brigham, E.E. & Ehrhardt, M.C. (2013). Financial Management: Theory and Practice. Edisi ke-14. South-Western.

## BP21103 PERAKAUNAN PENGURUSAN I

Kursus ini memperkenalkan konsep asas, terminologi, prinsip dan kaedah perakaunan kos pada tahap operasi. Ianya termasuk pengenalan kepada elemen kos, teknik pengumpulan kos asas dan pelbagaikaedah pengekosan, termasuk pendekatan terkini di dalam mendapatkan kos produk yang dikeluarkan dan perkhidmatan yang disediakan.

## Rujukan

- Langfield-Smith, K., Smith, D., Andon, P., Thorne, H., and Hilton, R.W. (2017). Management Accounting: Information for Creating and Managing Value. (8th Edition). McGraw-Hill Education.
- Atrill, P., and McLaney, E. (2019). Management Accounting for Decision Makers. (9th Edition). Pearson Education.
- Rozainun Abdul Aziz, Che Hamidah Che Puteh, Indra Devi Rajamanoharan and Nagarethnam Thirumanickam (2018). Management Accounting (3rd Edition). Oxford Fajar.
- Drury, C. (2018). Management and Cost Accounting. (10th Edition). Cengage Learning
- Prabir Das (2018). Cost Accounting (5th Edition). Oxford Fajar.
- <http://www.mia.org.my>
- <http://www.cimaglobal.com/>
- <http://www.ifac.org>

## BP21203 PERAKAUNAN PENGURUSAN II

Kursus ini memperkenalkan pengaplikasian teknik di dalam analisa data yang relevan di dalam menyediakan maklumat untuk perancangan, kawalan dan pembuatan keputusan pengurusan. Topik yang diliputi termasuk analisis kos volumn, penyediaan belanjawan dan kawalan belanjawan, pengekosan standad dan Analisa varians, dan pembuatan keputusan pengurusan jangka pendek dan panjang, termasuk isu etika.

## Rujukan

- Langfield-Smith, K. (2015). Management Accounting. 7th edition. McGraw-Hill.
- Garrison, R.H., Noreen, E.E. & Brewer, P.C., Cheng, N.S., & Yuen, K.C.K (2012). Managerial Accounting: An Asian Perspective. McGraw-Hill.
- Drury, C. (2015). Management and Cost Accounting. 9th edition. Cengage.
- Atkinson, A.A., Kaplan, R.S., Young, S.M.& Matsumura, E.M. (2013). Management Accounting. 6th edition. Pearson. Drury, C. (2013). Management Accounting for Business. 5th edition. Cengage.
- <http://www.mia.org.my> <http://www.cimaglobal.com/malaysia> <http://accounting.rutgers.edu/raw> <http://www.ifac.org>

## BP22503 PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN II

Kursus ini memperkasakan pengetahuan perakaunan asas dan mendedahkan pelajar kepada elemen seterusnya di dalam penyata

kewangan. Topik yang diliputi adalah pengiktirafan hasil, perubahan polisi perakaunan, anggaran dan pembetulan an kesalahan, kejadian selepas tarikh lembaran imbangan, kebajikan kakitangan, bayaran berdasarkan saham, perolehan sesaham, pelaporan segmen, pelaporan kewangan interim, integriti dan etika di dalam penyediaan penyata kewangan dan perakaunan untuk perkongsian.

### **Rujukan**

Azlina Ahmad et al. (2019). *Financial Accounting and Reporting 1*. 2nd Edition. Oxford.

Azlina Ahmad et al. (2019). *Financial Accounting and Reporting 2*. 2nd Edition. Oxford.

Nelson Lam and Peter Lau (2017) *Intermediate Financial Reporting: An IFRS Perspective*, 3rd Edition, McGraw Hill Education (Asia): Singapore

Jane Lazar & Huang Ching Choo (2014), *Malaysian Financial Reporting Standards*. 4th edition. McGraw-Hill.

Malaysian Accounting Standards Board, [www.masb.org.my](http://www.masb.org.my) MFRS Standards

## **BP22603 PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN III**

Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus Perakaunan dan Pelaporan Kewangan II. Kursus ini memfokuskan kepada syarikat terhad. Aspek penting yang diliputi termasuklah pengaplikasian standad berkaitan, garis panduan dan akta dan kesannya ke atas penyata dan laporan kewangan. Penekanan juga diberikan kepada isu perakaunan berkaitan syarikat terhad.

### **Rujukan**

Ariff, Alfian, Abdullah, Sapiee, Nelson & Rosli. (2016). *Financial Accounting and Reporting 2*, Oxford, Malaysia. Nelson Lam and Peter Lau (2017) *Intermediate Financial Reporting: An IFRS Perspective*, 3rd edition, McGraw-Hill Education (Asia): Singapore

Jane Lazar and Huang Ching Choo (2014), *Malaysian Financial Reporting Standards*, 4th edition, McGraw-Hill (Malaysia)

Tan Liong Tong (2015). *Financial Accounting and Reporting in Malaysia*, Volume 2. 4th edition.

CCH Asia. Pearl *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) International Financial Reporting Standards (IFRS)*

## **BP23103 ASAS PENGAUDITAN DAN SISTEM KAWALAN**

Kursus ini merupakan satu kursus pengenalan bagi pengauditan dan ia memperkenalkan pelajar kepada prinsip dan konsep asas di dalam pengauditan. Kursus ini menerangkan peranan dan tanggungjawab juruaudit, dan peraturan dan undang-undang dalam proses pengauditan. Kursus ini secara spesifik menumpukan kepada konsep audit, proses dan rancangan pengauditan, pengumpulan dan dokumentasi bukti serta laporan audit.

### **Rujukan**

Che Ahmad, Ayoib and Haron, Hasnah and Malik, Mazrah and Salleh, Zalailah and Hariri, Hilwani and Ismail Khan, Norziaton and Puat Nelson, Sherliza (2018) *Fundamentals of auditing*. Oxford Fajar, Selangor, Malaysia.

Ferdinand A. Gul & Nurmazilah Dato' Mahzan (2015). *Auditing: Theory and Practice in Malaysia*. 2nd edition. CCH Asia.

Whittington, R., & Pany, K. (2015). *Principles of Auditing & Other Assurance Services*. 20th edition. McGraw-Hill

Arens, A.A., Elder, R.J., Beasley, M.S., Noor Afza Amran, Faudziah Hanim Fadzil, Nor Zalina Mohamad Yusof, Mohamad Naimi Mohamad Nor & Rohami Shafie (2014). *Auditing and Assurance Services in Malaysia: An Integrated Approach*. 3rd edition. Pearson.

Beasley, M.S., Buckless, F.A., Glover, S.M., & Prawitt, .F. (2014). *Auditing Cases: An Interactive Learning Approach*. 6th edition. Pearson.

Mohd Faizal bin Jamaludin, Mohd Hafiz bin Abdul Halim, Syaifulradzman bin Shaifuddin, Rasyidah binti Shahabuddin & Nur Iliza binti Misnan (2013). *Principles of Auditing and Assurance Services in Malaysia*. CCH Asia.

International Standards of Auditing (ISA). International Auditing Practice Statements (IAPS).  
By-Laws (On Professional Ethics, Conduct and Practice) of the Malaysian Institute of Accountants (Revised Jan 2011). IFAC's Code of Ethics.

## BP24103 PERCUKAIAN I

Kursus ini merupakan kursus awalan dalam percukaian, menyentuh pelbagai aspek di dalam percukaian. Kursus bermula dengan konsep asas dan kemudiannya meliputi falsafah dan praktik secara amnya. Kursus juga akan meliputi percukaian di Malaysia secara terperinci. Penekanan diberikan terutamanya terhadap skop percukaian, status residen, penaksiran terhadap pendapatan perseorangan dan perniagaan yang diperolehi dari penggajian, perniagaan dan pendapatan tidak diperolehi. Tumpuan juga diberikan kepada pengiraan cukai perniagaan termasuk penentuan jenis perbelanjaan dan juga pengiraan elaun modal. Topik lain termasuklah aspek pentadbiran percukaian seperti prosedur penilaian dan pemungutan dan percukaian tidak langsung yang dikenakan di Malaysia.

### Rujukan

Choong Kwai Fatt (2016). *Malaysian Taxation - Principles and Practice*. Edisi ke-22. Infoworld. CCH Tax Editors (2016). *Malaysian Master Tax Guide*. Edisi ke-33. CCH.  
Jeyapalan Kasipillai (2015). *A Guide to Malaysian Taxation*. Edisi ke-3. McGraw-Hill.  
Choong Kwai Fatt (2014). *Advanced Malaysian Taxation- Principles and Practice*. Edisi ke-16. Infoworld.  
Akta Cukai Pendapatan 1967  
Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014

## BP26103 UNDANG-UNDANG SYARIKAT

Pada akhir kursus, pelajar akan memahami aspek dan implikasi perundangan yang berkaitan dalam sesebuah syarikat. Tanggungjawab pegawai-pegawai syarikat juga dikaji dari aspek statutori dan common law. Pelajar juga akan mempelajari perlindungan yang diberikan terhadap pemegang saham. Pelajar juga akan didedahkan dengan prosedur serta implikasi ketaksolvenan.

### Rujukan

Aiman Nariman Mohd Sulaiman and Effendy Othman (2018). *Malaysia Companies Law: Principles and Practices*. 2nd edition, Singapore: Wolters Kluwer/CCH.  
Chan Wai Meng (2017) *Essential Company Law in Malaysia*, Singapore: Wolters Kluwer/CCH.  
Rabindra S. Nathan (2019) *Law and Practice of Corporate Insolvency in Malaysia*, Kuala Lumpur: Sweet and Maxwell.  
Haslinda Mohd Anuar et al. (2017) *Prinsip Undang-undang di bawah Akta Syarikat 2016*, Sintok: Penerbit UUM  
Shanthy Rachagan, Janine Pascoe & Anil Joshi (2010). *Concise principles of company law in Malaysia*. 2nd edition. Kuala Lumpur: Lexis Nexis.  
Ramsay, I.M., Hanrahan, P., Stapledon, G.P., Aiman Nariman Mohd. Sulaiman & Aishah Bidin (2008). *Commercial Applications of Company Law in Malaysia*. 3rd edition. Singapore: CCH Asia.

### Statut

Akta Syarikat 2016.  
Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.  
The Malaysian Code on Corporate Governance 2017.  
Bursa Securities Listing Requirements.

## BP27203 KEWANGAN KORPORAT

Kursus ini membincangkan konsep dan keputusan dalam kewangan korporat. Topik perbincangan dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama memperkenalkan konsep asas. Bahagian kedua membincangkan penilaian korporat. Bahagian ketiga bercakap mengenai keputusan pelaburan. Seterusnya, bahagian keempat mengambil berat tentang keputusan pembiayaan dan dasar dividen.

### Rujukan

- Ross, S A., Westerfield, R W., Jaffe, J. & Jordan, B. (2015). Corporate Finance. Edisi ke-11. McGraw-Hill.
- Brealey, R. A., Myers, S. C., & Allen, F., (2013). Principles of Corporate Finance. Edisi ke-11. McGraw-Hill.
- Ehrhardt, M C & Brigham, E F, (2013). Corporate Finance: A Focused Approach. Edisi ke-5. Thomson.South- Western.
- Clayman, M.R, Fridson, M.S., & Troughton, G.H. (2012). Corporate Finance: A Practical Approach. Edisi ke-2. Wiley. Berk, J., DeMarzo, P. & Harford, J. (2013). Fundamentals of Corporate Finance. Edisi ke-3. Pearson.

## BP29103 KOMUNIKASI PERNIAGAAN UNTUK PERAKAUNAN

Kursus ini direka untuk meningkatkan tahap kesedaran pelajar tentang fungsi dan kepentingan komunikasi yang berkesan dalam arena perniagaan. Kursus ini memberi tumpuan kepada penerapan prinsip komunikasi dalam mencapai matlamat organisasi. Tumpuan utama kursus adalah kepada aspek penulisan dan lisan di dalam konteks perniagaan.

### Rujukan

- Boveé, C. & Thill, J. (2015). Business Communication Essentials. Edisi ke-7. Pearson.
